

**Ketua Setiausaha Sulit PM Anggap Beliau Bertuah Bekerja Dengan Najib
Bernama
7 Mac, 2014**

PUTRAJAYA, 7 Mac (Bernama) -- Selama 17 tahun bekerja dengan Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Setiausaha Sulitnya Tan Sri Ab Aziz Kasim menganggap beliau bertuah bekerja dengan seorang yang amat tajam pemikirannya dan mudah didekati.

"Seronok bekerja dengan beliau," kata Ab Aziz mengenai perdana menteri pada hari terakhir perkhidmatannya sebelum bersara wajib 9 Mac ini.

"Saya menghabiskan sebahagian daripada tempoh perkhidmatan saya dengan PM dan saya memang bertuah serta bangga kerana beliau seorang pemimpin yang berwawasan tinggi," katanya kepada Bernama.

Ab Aziz berkhidmat dengan Najib selama 17 tahun sejak 1997 dan Jumaat beliau mengetik buat kali terakhir kad perakam waktu elektronik di Bangunan Putra Perdana di sini.

Anak watan Pekan, Pahang itu juga sempat menemui Najib dan bergambar kenangan dengan beliau sebelum meninggalkan bangunan itu.

Katanya Najib menasihatkan beliau supaya tumpukan kepada penjagaan kesihatan.

"Beliau (Najib) menasihatkan saya supaya sentiasa cergas, sihat dan menjaga kesihatan. Saya memang menghargai pesanan dan nasihat beliau," kata Ab Aziz.

Katanya buat masa ini beliau masih belum mempunyai sebarang perancangan selepas bersara.

Ab Aziz yang memulakan kerjaya dalam sektor awam sebagai penolong pengarah Bahagian Latihan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada November 1979, telah bertugas dalam pelbagai kementerian sebelum dilantik sebagai setiausaha sulit kanan kepada Menteri Pendidikan ketika itu Najib pada 1999 dan seterusnya sebagai ketua setiausaha sulit kanan kepada perdana menteri pada 2009.

Terdahulu, beliau diraikan dalam majlis ringkas perpisahan oleh warga Jabatan Perdana Menteri, yang turut dihadiri Pengerusi PR1MA Datuk Seri Jamaluddin Jarjis dan penggantinya Datuk Azlin Alias serta pegawai-pegawai kanan JPM.

Azlin, bekas Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada Perdana Menteri akan memulakan tugas sebagai ketua setiausaha sulit yang baharu perdana menteri mulai 10 Mac.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020143>